

01 MAY 1999

Mahathir-Islam

WASPADA GOLONGAN YANG SALAHTAFSIR ISLAM, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 1 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta umat Islam berwaspada terhadap golongan yang menyalahafsirkan Islam untuk kepentingan tertentu bukan untuk kepentingan agama.

Beliau berkata terdapat golongan yang mentafsirkan Islam bukan untuk memperjelaskan lagi agama tetapi untuk kepentingan diri.

"Islam ditafsirkan tertentu untuk tujuan tertentu," katanya di Hiwar Islam di Institut Perguruan Darul Aman (IPDA), di sini. Rancangan itu disiarkan secara langsung oleh NTV7.

Selain Dr Mahathir, dua lagi anggota panel ialah Timbalan Mufti Johor Datuk Haji Nooh Gadot dan Prof Dr Yusof Hassan dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok.

Majlis itu yang bertemakan "Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan" diadakan sempena sambutan Maal Hijrah 1420. Majlis selama 80 minit itu bermula pukul 8.30 malam dan dipengerusikan oleh Ustaz Fadzil Hanafi.

Dr Mahathir berkata masyarakat Islam mestilah mengambil berat untuk mencegah perbuatan itu.

Beliau berkata adalah sesuatu yang bahaya apabila agama dicampur-adukkan dengan politik.

"Apabila orang gunakan Islam untuk kepentingan parti mungkin mereka salahtafsir Islam untuk mendokong kumpulan mereka.

Akhirnya, rakyat akan terkeliru, katanya.

Sehubungan itu, mereka yang diiktiraf mahir dalam bidang agama harus berhati-hati apabila bercakap kerana orang lain mudah mempercayainya.

Dr Mahathir juga berkata umat Islam akan selamat sekiranya mereka berpegang pada ajaran Islam sebenarnya dan bukannya ajaran Islam yang diselewengkan.

"Apabila sesat, kita harus balik ke pangkal jalan. Kalau keliru kita rujuk pada Al-Quran. Kalau kita berpegang pada Al-Quran, kita boleh berjaya, baik di dunia mahupun di akhirat," kata Perdana Menteri.

Beliau mengajak umat Islam dari segenap lapisan berganding bahu untuk kebaikan bersama.

"Kita tidak boleh melakukan sesuatu dengan usaha sendiri sahaja kerana kepakaran kita terhad dan sebab itulah, kita perlu bersatu-padu," katanya.

Dr Mahathir kini dalam lawatan tiga hari ke Kedah sejak semalam.

-- BERNAMA

JM FAZ